



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN IHYA RAMADAN BERSAMA
PENJAWAT AWAM NEGERI MELAKA
TARIKH: 27 APRIL 2021 (SELASA), JAM 8.00 MALAM
DI SERI BENDAHARA, AYER KEROH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali
bin Mohd Rustam,
Yang di-Pertua Negeri Melaka,

MUKADIMAH

1. Bagi pihak Kerajaan Negeri serta para penjawat awam, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam kerana sudi hadir sama bagi memeriahkan Majlis Sambutan Ihya Ramadan Bersama Penjawat Awam Negeri Melaka pada petang ini.

2. Sesungguhnya, kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia menyuntik semangat dan kesungguhan kami untuk bekerja dengan penuh komitmen dan disiplin dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat, seterusnya memacu Negeri Melaka menjadi negeri 'Baldatun Yayyibatun Warabbun Ghafur', yakni negeri yang aman sentosa, adil dan makmur serta mendapat perlindungan Allah SWT. Insya-Allah.

3. Saya dan seluruh kepimpinan negeri serta rakyat Melaka, mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan serta seisi keluarga sentiasa dilimpahi rahmat Allah SWT, sihat walafiat, dimurahkan rezeki serta dilanjutkan usia.

4. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, seterusnya, saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para penjawat awam di majlis ini.

Terima kasih Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh,
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat EXCO-EXCO Kerajaan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara;

Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil, Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

Seterusnya, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Dif-dif Jemputan, serta Tuan-tuan, Puan-puan, Para Penjawat Awam sekalian;

5. Alhamdulillah, pertamanya, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita

dapat bersama-sama hadir di Seri Bendahara pada petang ini, sempena Sambutan Ihya Ramadan Penjawat Awam Negeri Melaka bagi tahun 2021.

6. Pejam celik, kita kini sudah berada di pertengahan bulan Ramadan yang penuh kerahmatan ini. Hari ini merupakan hari yang ke-15 kita berpuasa. Saya berharap semoga Allah SWT memberkati ibadah kita dan melimpahkan segala kebaikan yang ada di bulan ini kepada kita semua.

7. Sesungguhnya, pengisian Ramadan wajar dipenuhi dengan keikhlasan dan kesabaran. Ramadan adalah bulan ujian dan tarbiyah, untuk kita mendidik diri agar menjauhi segala perbuatan yang tidak disukai oleh Allah SWT. Ramadan juga adalah bulan istimewa di mana kita dianjurkan untuk meningkatkan dan melipatgandakan amal ibadah, bukan sahaja ibadah wajib, malah juga ibadah sunat seperti solat Tarawih dan sebagainya.

Saudara dan saudari, Para Penjawat Awam yang dikasihi sekalian;

COVID-19

8. Ramadan tahun ini merupakan kali kedua umat Islam di seluruh dunia, terpaksa menjalani ibadah puasa dalam suasana pandemik COVID-19. Alhamdulillah, pada tahun ini, keadaannya lebih baik berbanding pada tahun 2020 yang lepas. Pada tahun ini, kita sekali lagi berpeluang untuk melaksanakan ibadah sunat khususnya menunaikan solat Tarawih di masjid-masjid, surau-sarau, mahupun madrasah-madrasah di seluruh negeri.

9. Kini, selepas lebih setahun negara, malah dunia menghadapi pandemik COVID-19, pandemik ini masih lagi belum menemui noktahnya. Walau bagaimanapun, kita harus bersyukur kerana setidak-tidaknya vaksin untuk COVID-19 ini telah berjaya ditemui dan dihasilkan. Malah, Malaysia kini telah berada di Fasa Kedua bagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

10. Justeru itu, saya optimis, seramai 40,156 orang penjawat awam di Negeri Melaka, boleh menjadi ejen berkesan kepada Kerajaan Negeri, bagi membantu meyakinkan masyarakat, untuk mendaftar penerimaan suntikan vaksin COVID-19. Kerjasama para penjawat awam dalam menyebarkan fakta sebenar mengenai vaksin ini amat penting, kerana kita tidak mahu masyarakat dipesongkan dengan berita-berita palsu yang disebarkan oleh golongan antivaksin.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

11. Walaupun kita masih lagi berdepan dengan penularan pandemik COVID-19. ditambah lagi dengan berpuasa, namun saya amat berharap saudara dan saudari terus komited dan kekal bersemangat dalam melaksanakan segala tugas dan amanah sebagai penjawat awam Negeri Melaka.
12. Saya amat yakin, dengan pelbagai kebolehan yang dimiliki, ditambah komitmen tinggi penjawat awam negeri ini, kita mampu melonjakkan lagi tahap Penyampaian Perkhidmatan Awam kepada rakyat dan pemegang taruh yang lain.

13. Dalam hal ini, saya menyeru seluruh warga Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, agar berganding bahu, membantu Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar, polisi dan pelan strategik yang telah disediakan, bagi memakmurkan ekonomi negeri, seterusnya membahagiakan rakyat.
14. Maka, sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui tekad dan iltizam.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

15. Bersempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, suka saya berpesan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam Negeri Melaka agar sentiasa menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga, meskipun kita masih tidak dapat merentas negeri pada tahun ini.

16. Biarpun Syawal pada tahun ini, masih sama dengan tahun 2020 yang lepas, akibat penularan COVID-19, namun setidak-tidaknya kita masih boleh meraikannya secara sederhana dalam suasana aman dan selamat.

17. Akhir kata, saya berdoa semoga negara dan Negeri Melaka kekal terpelihara, selamat, aman dan makmur serta membolehkan Kerajaan Negeri berdiri teguh untuk terus memberi perkhidmatan cemerlang kepada rakyat.

Yang Dikasihi;

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,

Yang di-Pertua Negeri Melaka,

18. Sekian sahaja ucapan saya kepada hadirin pada majlis ini. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia di atas kesudian hadir pada majlis yang amat bermakna ini.

Sekian,

Wabillahitaufig Walhidayah
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Wassalamualaikum

-TAMAT-